



جدوال ٲمباچاءن خطبه جمعة

سيري 9 / 2022

(Bulan September Tahun 2022)

تاريخ	تاجوق	ب
2.9.2022M/ 5 Safar 1444H	ٲلهاراله اينستيتوسي ككلواركان اسلام	1.
9.9.2022M/ 12 Safar 1444H	برسدرهان دالم برلنجا	2.
16.9.2022M/ 19 Safar 1444H	خطبة سمفنا هاري مليسيا	3.
23.9.2022M/ 26 Safar 1444H	سهيت ٲمودا الكهف	4.
30.9.2022M/ 3 Rabi'ulawwal 1444H	منجان ٲاوا ساتو كواجين	5.
	خطبه كدوا	

ٲرچيتفن دبيبايائي:



تليفون : 5498088-04

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia

- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS

- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



منجاک پاوا ساتو کواجیئن

(30 September 2022M / 5 Rabiulawwal 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْإِنْسَانَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ وَزَيَّنَهُ بِالْعَقْلِ وَالْعِلْمِ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ هَدَاهُمْ بِالذِّينِ إِلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ،
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ، أَفْضَلَ صَلَاةٍ وَتَسْلِيمٍ . أَمَّا بَعْدُ فَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ ،
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan sidang Jumaat yang dikasihi, marilah kita semua memantapkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan sepenuh hati. Sesungguhnya ketakwaan kepada Allah tercapai apabila kita melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan demikian insya-Allah kita akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, pastikan kita mematuhi adab-adab ketika mendengar khutbah iaitu pertama, jangan berbual-bual. Kedua, jangan bermain telefon bimbit. Manakala yang ketiga, jangan tidur dengan sengaja. Semoga ganjaran pahala yang besar mengiringi ibadah yang kita tunaikan semata-mata



kerana Allah. Pada hari ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Menjaga Nyawa Satu Kewajipan”**.

SAUDARAKU KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKELIAN,

Islam melihat manusia sebagai khalifah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** di atas muka bumi yang menjalankan tugas pengimarahannya dunia dan juga pelaksanaan syariat-Nya. Tugas ini menjadi salah satu objektif penciptaan Nabi Adam **عَلَيْهِ السَّلَامُ** seperti dinyatakan dalam Al Quran, ayat 30 surah Al Baqarah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىۤ جَاعِلٌ فِىۤ الْاَرْضِ خَلِيْفَةًۭ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِىۤهَا مَنۡ يُّفْسِدُ فِىۤهَا
وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۗ قَالَ اِنِّىۤۤۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿۳۰﴾

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.*

Justeru umat Islam tidak seharusnya menjadi golongan perosak yang menumpahkan darah, mencederakan dan mendatangkan kesengsaraan kepada orang lain termasuk diri sendiri. Umat Islam juga sepatutnya menjadi komuniti yang memupuk kesejahteraan terhadap sekalian makhluk. Ini kerana mereka memikul amanah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang sangat berat lantaran kurniaan pelbagai kelebihan seperti kebijaksanaan akal dan rohani yang tidak dimiliki makhluk lain. Dengan akal yang diperkasakan dengan iman, umat Islam perlu menyedari akan hak dan tanggungjawab mereka terhadap Allah, diri dan kehidupan.



SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menyedari besarnya tanggungjawab sebagai khalifah Allah, Islam sangat menitikberatkan persoalan nyawa manusia dengan meletakkannya sebagai hak milik Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Nyawa bukan milik kita, empunya badan yang boleh berbuat sesuka hati terhadapnya.

Menurut ajaran Islam, meluputkan suatu nyawa seumpama mematikan banyak nyawa manakala menghidupkan suatu nyawa pula, sama seperti menghidupkan seluruh kehidupan. Malah sebarang perbuatan yang mendedahkan kelestarian nyawa kepada ancaman mudharat, bahaya dan kematian dengan sengaja adalah diharamkan. Hal ini disebabkan kehidupan setiap insan yang bernyawa mempunyai kaitan dengan sistem kehidupan secara *holistic* (menyeluruh). Seseorang itu mungkin merupakan suami, isteri, bapa, ibu, anak, guru, majikan, pekerja dan pemimpin yang menjadi punca kesenangan Insan lain.

Terdapat banyak nas Al Quran dan hadis menunjukkan perkara tersebut. Antaranya:

.... وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya; “... dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”
(Surah An- Nisa ayat 29)

Maksud nas tersebut secara tidak langsung mencakupi larangan membunuh diri sendiri atau membunuh orang lain tanpa mengira apa juga cara seperti mengambil dadah dan meminum racun yang membahayakan. Begitulah juga tindakan melampau dalam mengambil risiko yang memudharatkan seperti berlumba motosikal secara haram (merempit), memandu kenderaan melebihi had kelajuan yang ditetapkan peraturan lalu lintas serta memandu dengan cara yang



membahayakan diri sendiri dan pengguna lain. Perbuatan haram dan merbahaya sedemikian ternyata dilarang berdasarkan firman Allah yang berbunyi:

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ...

Maksudnya; “...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan...”
(Surah Al Baqarah ayat 195)

Sehubungan itu, membunuh diri adalah perbuatan dosa besar yang dilarang oleh syarak. Terdapat banyak hadis menyebutkan secara spesifik bagaimana azab seksa yang dikenakan kepada orang yang membunuh dirinya di akhirat nanti. Thabit bin Al Dhahak رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ berkata bahawa Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda: “Barangsiapa membunuh dirinya dengan sesuatu di dunia, maka dia akan diazab dengan sesuatu yang digunakannya itu di Hari Kiamat kelak.”

(Hadis Riwayat Al Bukhari dan Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Terjadinya sikap tidak sayang nyawa ini adalah bukti kelemahan iman orang yang melakukannya. Kekuatan iman menjadi faktor penghalang kepada seseorang Islam daripada melakukan pelbagai maksiat, dosa dan jenayah. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan Imam Al Bukhari, Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menyebut bahawa orang yang melakukan dosa-dosa besar seperti berzina, meminum arak, mencuri, dan merompak, seakan-akan hilang nilai keimanannya buat seketika pada waktu melakukan perbuatan keji tersebut. Namun maksud kehilangan iman di sini bukan bermakna sesiapa yang berbuat dosa besar menjadi kafir. Sebaliknya Baginda ingin menunjukkan satu gambaran betapa keimanan yang utuh mempunyai kaitan dengan kesedaran untuk tidak melakukan sebarang dosa-dosa besar dan jenayah.

Bagi menyelesaikan sikap tidak sayangkan nyawa terutama dalam kalangan anak-anak muda, khatib menyarankan agar semua pihak bermula daripada peringkat individu, masyarakat dan pihak berkuasa perlu menyedari tanggungjawab masing-masing terhadap keselamatan nyawa secara lebih intensif. Para ibu bapa pula perlu memberi penekanan dalam aspek pendidikan agama. Penghayatan agama memainkan peranan penting dalam pembesaran anak-anak. Agama itu adalah merupakan jalan hidup atau “*way of life*”.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Bagi mengakhiri khutbah ini, khatib sekali lagi menyatakan bahawa keimanan dan keyakinan yang teguh kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mampu menenangkan rohani dan emosi seseorang. Apabila meyakini semua yang berlaku adalah ketentuan Allah, kita semua akan redha dengannya. Justeru, seorang muslim yang waras tidak akan berani untuk melakukan perbuatan yang menyebabkan dirinya terbunuh atau sebarang tindakan yang mengancam keselamatan nyawa orang sekelilingnya. Ingatlah sesungguhnya syariat Islam yang mulia ini menjaga kesejahteraan nyawa manusia melalui cara-cara seperti yang berikut. Antaranya:

Pertama: Mengharamkan sebarang perbuatan jenayah yang mendatangkan mudharat terhadap nyawa dan fizikal manusia, dengan dikenakan hukuman tindakan balas seperti *qisas*, *diyat* serta azab yang pedih di akhirat kelak.

Kedua: Mengharamkan sebarang perbuatan membunuh diri, dengan hukuman yang berat di akhirat bagi sesiapa yang melakukannya di dunia.

Ketiga: Mengharamkan perbuatan mengacukan senjata tajam dan menghunuskannya sama ada dengan sengaja atau bermain-main.

Marilah kita bersama-sama merenung firman Allah dalam surah Al Mulk ayat 2:



الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٥﴾

Maksudnya: “Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah diantara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا ، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





خطبة كدوا بولن سيقتيمير

2022M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ - عَلِيمًا حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ نَالِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.



اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤٥

